

1,000 penduduk Terengganu dipindah

Oleh MUSTAPA LAKAWA
mustapa.lakawa@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Hujan lebat sejak dua hari lalu memaksa kira-kira 1,099 penduduk dari beberapa buah daerah di Terengganu dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negeri berkata, sehingga 3 petang semalam, daerah Setiu dan Hulu Terengganu paling teruk terjejas dengan mencatat jumlah tertinggi mangsa dipindahkan iaitu seramai 430 dan 390 orang.

Satu lagi daerah yang terjejas ialah Kemaman apabila 265 orang dipindahkan daripada 62 keluarga sementara Marang dan Dungun merekodkan mangsa banjir seramai lapan dan enam orang.

Sebanyak 31 pusat pemindahan dibuka termasuk lapan di Setiu iaitu di Masjid Kampung Merbau Menyusut, Surau Bukit Nyior, Dewan Orang Ramai Kampung Langkap, Sekolah Kebangsaan (SK) Alor Lik, Balai Raya Merbau, Balai Raya Kampung Bukit Nenas, Surau Kampung Panchik dan SK Rhu Sepuluh.

Tujuh lagi pusat pemindahan masing-masing dibuka di Hulu Terengganu dan Kemaman melibatkan keseluruhan



ANGGOTA bomba membawa mangsa banjir ke pusat pemindahan dengan bot di Kampung Bukit Tadok, Hulu Terengganu semalam.

170 keluarga.

Sehingga pukul 5 petang, lima batang sungai mencatat paras berjaga-jaga iaitu Sungai Dungun di Kuala Jengai sedalam 19.32 meter, Sungai Dungun di Jambatan Jerangau (11.63m), Sungai Marang di Jambatan Pengkalan Berangan (2.52m), Sungai Setiu di Kampung Besut (17.14m) dan Sungai Setiu sedalam 7.96m.

Info Mangsa banjir Pahang, Kelantan dan Terengganu

PAHANG

Jumlah mangsa: 297 orang
Jumlah keluarga: 62 keluarga
Pusat pemindahan aktif: 6
Daerah paling terjejas: Kuantan

KELANTAN

Jumlah mangsa: 376
Pusat pemindahan aktif: 11
Daerah paling terjejas: Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh

TERENGGANU

Jumlah mangsa: 1,099
Jumlah keluarga: 1,333
Pusat pemindahan aktif: 31
Daerah paling terjejas: Setiu, Hulu Terengganu, Kemaman, Marang, Dungun.